

1982

KUALA LUMPUR, 10 NOV. (BERNAMA) -- SEMUA NEGERI MENIKMATI FAEDAH DARIPADA PENGELUARAN MINYAK DAN GAS NEGARA SEJAJAR DENGAN TANGGUNGJAWAB KERAJAAN UNTUK MEMBAHAGIKAN HASIL NEGARA DENGAN ADIL, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED MENEGASKAN HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN PERSEKUTUAN MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB PENTING UNTUK MENENTUKAN FAEDAH DARIPADA HASIL PENGELUARAN NEGARA DAPAT DIRASAI BUKAN SAHAJA OLEH BEBERAPA NEGERI TERTENTU MALAH OLEH SEMUA PENDUDUK DI NEGARA INI.

PEMBAHAGIAN HASIL NEGARA DIBUAT DENGAN ADIL SUPAYA MASALAH KETIDAKSEIMBANGAN ANTARA NEGARA-NEGARA, KAWASAN DAN KUMPULAN MASYARAKAT TIDAK BERLAKU, TAMBAH BELIAU SEMASA MENJAWAB PERTANYAAN HAJI SEROJI HARUN (BN-BALING) DIDEWAN RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BERDASARKAN KEPADA SIKAP INILAH, KERAJAAN PUSAT TELAH MEMBUAT PERTIMBANGAN PENUH TELITI MENGENAI KADAR PEMBAYARAN ROYALTI DARIPADA HASIL PENGELUARAN MINYAK YANG HARUS DIBAYAR KEPADA KERAJAAN NEGERI SABAH, SARAWAK DAN TERENGGANU.

BELIAU MENGULANGI KENYATAANNYA YANG DIBUAT BEBERAPA KALI DI PARLIMEN BAHAWA KERAJAAN TIDAK BERCADANG MENAIKKAN KADAR PEMBAYARAN ROYALTI YANG SEDIA ADA. -- LAGI 1550/OM

PARLIMEN - PETRONAS 2 KUALA LUMPUR

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK YEW FOO WENG (BN-MENGLEMBU) PERDANA MENTERI MENJELASKAN KETIGA NEGERI PENGELUAR MINYAK-SABAH, TERENGGANU DAN SARAWAK MENDAPAT BAHAGIAN LEBIH DARIPADA HASIL ROYALTI MINYAK YANG DIKELUARKAN.

BAKINYA DIBAHAGIKAN SECARA ADIL KEPADA NEGERI-NEGERI LAIN. BELIAU MENAMBAH HASIL YANG DIKUMPULKAN BOLEH DIBAHAGIKAN OLEH KETIGA NEGERI BERKENAAN DENGAN MEREKA MENDAPAT 3 PERATUS DARIPADA HASIL PENGELUARAN MINYAK.

BELIAU MENERANGKAN MENGIKUT PERLEMBAGAAN NEGARA, YANG DIPERSETUJUI OLEH SEMUA NEGERI, KERAJAAN NEGERI TIDAK BOLEH MENGAMBIL HASIL CARIGALI MINYAK DI KAWASAN PERAIRAN LUAR DARIPADA 12 BATU JARAK KAWASAN PANTAI.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KERANA KERAJAAN PERSEKUTUAN MEMBERI PERTIMBANGAN ADIL, KERAJAAN SANGGUP MENGENEPIKAN SYARAT YANG ADA DALAM PERLEMBAGAAN. -- LAGI 1718/MD

ZCIC B611

PARLIMEN - PETRONAS 3 KUALA LUMPUR

KEPADA PERTANYAAN HAJI SEROJI (FULL NAME MENTIONED EARLIER), DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PETRONAS TELAH MEMBUAT BEBERAPA KAJIAN PENILAIAN GEOLOGI DI KAWASAN UTARA DAN DI KAWASAN SELAT MELAKA.

DARIPADA KAJIAN YANG DIBUAT SEHINGGA INI, KAWASAN-KAWASAN ITU DIDAPATI KURANG POTENSI MENGELUARKAN MINYAK.

KAJIAN DAN USAHA Mencari gali dibuat oleh syarikat minyak mobil dalam tahun 1968 hingga tahun 1974 pada permulaannya secara usaha perseendirian dan kemudian secara usahasama dengan syarikat +TEIJIN MALAYSIA EXPLORATION).

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK MOHAMED AMIN HAJI DAUD (BN-PEKAN) PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN MEMANG MEMPUNYAI RANCANGAN UNTUK MENCARIGALI MINYAK DI KAWASAN YANG MUNGKIN MEMPUNYAI POTENSI MENGELUARKAN MINYAK.

TETAPI, KEUTAMAAN DIBERIKAN BERGANTUNG KEPADA KEMUNGKINAN ADANYA MINYAK YANG BOLEH DIKELUARKAN.

PADA MASA INI DIDAPATI POTENSI TINGGI PENGELUARAN MINYAK TERDAPAT DI PANTAI LAUT CINA SELATAN YANG BERHADAPAN DENGAN PANTAI TIMUR.

MENJAWAB PERTANYAAN DATUK ABU BAKAR RAUTIN IBRAHIM (BN-KUALA KEDAH); BELIAU MENJELASKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TELAH MENENTUKAN SEGALA USAHA MENCARIGALI MINYAK DI NEGARA INI DIURUSKAN OLEH PETRONAS KERANA IA MEMPUYAI PENGALAMAN DAN KERAJAAN TIDAK MAHU TERTIPU DENGAN JANJI YANG MUNGKIN DIBUAT OLEH PIHAK LAIN. -- LAGI 1724/MD

ZCZC B612

PARLIMEN - PETRONAS 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA NEGERI-NEGERI BERCADANG MENGADAKAN USAHA MENCARIGALI MINYAK DI MANA-MANA KAWASAN, IA BOLEH MERUNDINGKANNYA DENGAN PETRONAS UNTUK MENENTUKAN SYARIKAT MANA YANG PERLU MENJALANKAN CARIGALI ITU.

MENGENAI DAKWAAN ENCIK HASSAN HAJI MOHAMED (PAS-RANTAU PANJANG) KONONNYA ROYALTI YANG DIBAYAR KEPADA TERENGGANU SANGAT SEDIKIT, PERDANA MENTERI BERKATA MENGIKUT ANGKA YANG DIBERIKAN OLEH MENTERI BESAR NEGERI ITU, DALAM TEMPOH TIGA TAHUN KERAJAAN NEGERI BERKENAAN MENDAPAT HASIL \$300 JUTA.

INI ADALAH SATU JUMLAH YANG BESAR BERBANDING DENGAN NEGERI KEDAH YANG CUMA MEMPEROLEHI KUTIPAN HASIL \$30 JUTA SETAHUN, TEGAS BELIAU.

MENGENAI PERTANYAAN ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-KOTA MELAKA), YANG MENYEBUT PENERUSI PETRONAS, TAN SRI ABDULLAH SALLEH PERNAH MEMBUAT JAMINAN KEPADA NEGERI SABAH MENGENAI PEMBAYARAN KADAR ROYALTI YANG LEBIH BAIK DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN JAMINAN SEUMPAMA ITU HANYA PATUT DIBUAT OLEH KERAJAAN.

+PERKARA SEUMPAMA INI DITENTUKAN OLEH KABINET DAN TIDAK ADA BEBIAPA YANG BOLEH MEMBUAT APA-APA JAMINAN DI LUAR DARI KABINET YANG BERKUASA ATAS BIDANG INI,+ TAMBAHNYA. -- LAGI 1730/MD

PARLIMEN - PETRONAS 5 KUALA LUMPUR

MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK WAN NAJIB MOHAMED (BN-PASIR PUTIH) YANG INGIN TAHU SAMADA PENGELUARAN HASIL MINYAK MENYEBABKAN PAS INGIN MENAWAN SEMULA PANTAI TIMUR DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB: +SAYA MEMPUYAI KEPERCAYAAN PERKARA INI TAK WUJUD KERANA TIDAK MUNGKIN PARTI PEMBANGKANG MENANG DI TERENGGAU.+

KEPADA PERTANYAAN ENCIK ISMAIL SAID (BN-KEMAMAN), BELIAU BERKATA PETRONAS MEMPUYAI BEBERAPA PROJEK BERKAITAN DENGAN PENGELUARAN MINYAK DI NEGERI-NEGERI YANG BERDEKATAN DENGAN PUNCA MINYAK.

PROJEK-PROJEK ITU IALAH GAS CECIR ASLI (LNG) DI BINTULU, BAJA UREA ABEAN JUGA DI BINTULU DAN SEBUAH LOJI PENAPIS MINYAK DAN TEMPAT MENYIMPAN MINYAK SERTA PUSAT PEMBEKALAN (SUPPLY BASE) KESEMUAANYA DI TERENGGANU. -- BERNAMA 1740/MD